



“Sesungguhnya Allah dan Rasul-Nya mengharamkan jual beli arak, bangkai, babi, dan berhala.”

Daripada Jabir bin Abdullah رضي الله عنهما, bahawa beliau mendengar Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda ketika tahun pembukaan Kota Mekah, semasa baginda berada di Mekah: “Sesungguhnya Allah dan Rasul-Nya mengharamkan jual beli arak, bangkai, babi, dan berhala.” Lalu ditanya: “Wahai Rasulullah, bagaimana pula dengan lemak bangkai, kerana ia digunakan untuk melapisi kapal, menyamak kulit dan orang ramai memakainya?” Baginda menjawab: “Tidak, ia haram.” Kemudian Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda: “Semoga Allah telah menghancurkan orang Yahudi kerana apabila Allah mengharamkan lemak itu, mereka (memproses dengan) mengeluarkan minyaknya. Kemudian mereka menjualnya, lalu memakan hasil jualannya.”

[صحيح] [متفق عليه]

Jabir bin Abdullah رضي الله عنهما mendengar Nabi صلى الله عليه وسلم bersabda pada tahun pembukaan Kota Mekah semasa baginda berada di Mekah: “Sesungguhnya Allah dan Rasul-Nya mengharamkan jual beli arak, bangkai, babi dan berhala.” Lalu ditanya: “Wahai Rasulullah, adakah dibolehkan menjual lemak bangkai? Kerana ia digunakan untuk melapisi kapal, dijadikan minyak dan orang ramai menyalakan pelita mereka dengannya.” Baginda menjawab: “Tidak, jualannya haram.” Kemudian Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda: “Allah telah memusnahkan dan melaknati orang Yahudi; apabila Allah mengharamkan lemak binatang ke atas mereka, mereka mencairkannya, kemudian menjual minyaknya, lalu memakan hasil jualannya.”

<https://sunnah.global/hadeeth/ms/show/4556>

